

Hubungan Antara Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dan Kepuasan Hidup dalam Kalangan Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia

Relationship between Parenting Styles, Pornography Addiction Behaviour and Life Satisfaction among Students of Public Higher Institution in Malaysia

Nur Aina Najiehah Tarmizi
¹Wan Shahrazad Wan Sulaiman

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mel: ¹shara@ukm.edu.my

ABSTRAK

Gaya keibubapaan permisif, autoritatif dan autoritarian menjadi kunci utama untuk mendidik anak-anak dan membentuk mereka menjadi individu yang berkelakuan positif. Namun, anak-anak masih lagi terdedah kepada tingkah laku ketagihan pornografi jika tidak dipantau oleh ibu bapa di rumah. Cara didikan ibu bapa yang kurang berkesan akan menyebabkan anak-anak berisiko untuk terdedah kepada ketagihan pornografi. Ini boleh mempengaruhi kepuasan hidup individu dalam proses perkembangan mereka. Oleh yang demikian, kajian telah dijalankan untuk mengkaji hubungan antara gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup dalam kalangan mahasiswa institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Bagi mengkaji hubungan antara pemboleh ubah tersebut, pengkaji menggunakan kaedah survei yang melibatkan borang soal selidik daripada 3 inventori telah diedarkan kepada responden kajian. Inventori-inventori tersebut adalah Parenting Authority Questionnaire (PAQ), Pornography Addiction Screening Tool (PAST) dan Satisfaction with Life Scale (SWLS). Jumlah keseluruhan bagi responden kajian adalah seramai 401 orang. Responden terdiri daripada 117 mahasiswa lelaki dan 224 mahasiswa perempuan. Data diperolehi daripada kutipan borang soal selidik telah dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 25. Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan signifikan di antara gaya keibubapaan dan tingkah laku pornografi, manakala hubungan negatif yang signifikan diperolehi di antara tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup. Selain daripada itu, keputusan juga mendapati tiada perbezaan signifikan gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup berdasarkan jantina. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada ibu bapa untuk sentiasa memberi perhatian terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan anak-anak.

Kata kunci: gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi, kepuasan hidup

ABSTRACT

Permissive, authoritarian and authoritative parenting styles are the main ways to educate children and shape them into positively behaving individuals. Yet, children are still exposed to pornography addiction behaviour if they are not closely monitored. Ineffective parenting

methods will put children at risk of being exposed to pornography addiction. This can influence individual's life satisfaction during their development process. Therefore, this research was conducted to examine the relationship between parenting styles, pornography addiction behaviour and life satisfaction among students of public higher institutions in Malaysia. To investigate the relationship between the variables, the researcher used survey method that involving the distribution of questionnaires to the respondents of the study. The inventories were Parenting Authority Questionnaire (PAQ), Pornography Addiction Screening Tool (PAST) and Satisfaction with Life Scale (SWLS). The total number of respondents was 401 consisting of 117 males students and 224 female students. The data collected from the questionnaires were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 25. The results show that there was no significant correlation between parenting styles and pornography addiction, while a negative and significant correlation was obtained between pornography addiction behaviour and life satisfaction. Apart from that, results also showed no addiction and life satisfaction according to gender. It is hoped that this research finding can help parents to be aware of their children's exposure to social media.

Keywords: *parenting styles, pornography addiction behaviour, life satisfaction*

1. Pengenalan

Golongan muda merupakan aset negara dan bakal menjadi pelapis dalam membangunkan kemajuan ekonomi negara. Masyarakat yang berkualiti akan menjamin masa depan negara yang cemerlang. Tambahan pula, ibu bapa sewajarnya mempunyai hubungan yang rapat dengan anak-anak kerana mereka banyak menghabiskan masa di rumah. Tingkah laku keibubapaan ialah tingkah laku memberikan kanak-kanak penjagaan asas, perlindungan, didikan serta sokongan dari segi mental dan fizikal. Terdapat tiga gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa iaitu autoritarian, autoritatif dan permisif.

Gaya autoritarian membawa maksud ibu bapa berkuasa penuh ke atas anak-anak. Ibu bapa yang mengasuh anak-anak menggunakan gaya ini mempunyai sifat kawalan yang tinggi namun dari segi tanggungjawab adalah rendah (Yahaya & Latif, 2005). Sekiranya anak-anak membuat kesalahan, mereka akan dihukum tanpa diberi peluang untuk membela diri. Gaya autoritatif ini merupakan gaya dimana ibu bapa lebih bersifat demokratik dalam mengawal tindakan anak-anak. Gaya keibubapaan autoritatif pula lebih menekankan cara mendidik anak-anak dari segi pengawalan tingkah laku, komunikasi yang baik dan tahap kematangan. Ibu bapa menekankan aspek kasih sayang namun mempunyai sedikit elemen ketegasan terhadap anak-anak.

Gaya permisif lebih dikenali sebagai gaya yang bertolak ansur dan terlalu memanjakan anak-anak. Gaya didikan ini merujuk kepada ubungan ibu bapa yang erat dengan anak-anak tetapi lemah dalam kawalan aktiviti anak-anak. Ini akan menyebabkan anak selalu meminta dan menjadi tidak pandai berdikari kerana terlalu bergantung kepada ibu bapa. Menurut Santrock (2008), anak-anak yang dididik menggunakan gaya permisif merasakan bahawa ibu bapa lagi mementingkan pekerjaan berbanding kebajikan anak-anak. Tambahan pula, menurut Baumrind (1989) lagi, anak-anak yang dididik oleh ibu bapa yang bersifat demokratik cenderung untuk menjadi lebih bertenaga, mempunyai sikap ingin tahu yang lebih mendalam, suka menjelajah dan dapat mengawal sikap positif dalam kalangan rakan-rakan mereka.

Menurut Jacobvitz (1996), ibu bapa yang gagal mendisiplinkan anak-anak akan menjadi salah satu faktor berlakunya tingkah laku yang negatif. Kebanyakan tingkah laku antisosial yang berlaku ke atas golongan muda boleh disebabkan oleh kegagalan cara keibubapaan dan pengurusan keluarga. Keupayaan ibu bapa untuk melindungi anak-anak daripada bahaya akan membentuk anak-anak menjadi insan yang berjaya dan mempunyai keperibadian yang unggul. (Razali & Razali, 2013). Sikap dan cara didikan oleh ibu bapa terhadap golongan dewasa awal akan mencorakkan bagaimana tingkah laku atau tabiat mereka apabila keluar dari rumah.

Apabila ibu bapa terlalu memanjakan anak-anak atau terlalu tegas dan suka menghukum, anak-anak berisiko untuk memberontak dan cuba melepaskan perasaan dengan melakukan tingkah laku yang negatif seperti terjebak dengan tingkah laku ketagihan pornografi. Sikap lepas tangan dari ibu bapa atau sikap ibu bapa yang suka memarahi anak-anak menggunakan bahasa kurang baik dan lucah ketika marah, menjadikan anak muda untuk turut mengikut perbuatan tersebut dan lama-kelamaan mereka cenderung terlibat dalam ketagihan pornografi oleh kerana terdedah terhadap perkataan-perkataan lucah ini. Ibu bapa yang kurang memberi pemantauan dalam aktiviti seharian anak-anak membuatkan anak-anak menjadi leka dan terdedah dengan pornografi. Kebanyakan orang yang telah mengalami fasa dewasa akan berasa lebih bebas dan cuba untuk berdikari dan mereka akan melakukan apa sahaja untuk keseronokan.

Golongan dewasa awal akan dapat mencapai kepuasan hidup sekiranya mereka mampu memenuhi aspek-aspek kehidupan seperti kewangan, kehidupan sosial, pencapaian akademik, rumah yang selesa, hubungan romantik dan rekreasi. Seseorang akan dapat mencapai kepuasan hidup dengan memenuhi tuntutan sosialnya. Sekiranya seseorang itu tidak dapat memenuhi tuntutan sosialnya, maka kebanyakan mereka akan merasakan ketidakpuasan dalam diri dan memberontak. Cabaran hidup dalam fasa remaja seperti konflik identiti, pengaruh rakan sebaya dan persekitaran kejiranan yang negatif begitu memberi kesan kepada tahap kepuasan hidup. Ini dapat dilihat berdasarkan laporan dan statistik penglibatan remaja dan dewasa awal dalam tingkah laku devian, penyalahgunaan dadah dan jenayah. Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Anti Dadah kebangsaan mengenai penagih dadah yang berjaya dikesan dalam tempoh 2013 hingga 2017 adalah seramai 126,098 orang. Bilangan penagih dadah boleh mencapai bilangan 500,000 ribu orang pada masa akan datang sekiranya menggunakan formula satu nisbah empat. Penglibatan remaja dalam penagihan dadah di bangku sekolah turut semakin serius. Dari tahun 2013 hingga 2017 terdapat seramai 6,533 remaja berumur 19 tahun ke bawah telah dikesan terlibat dengan dadah. Sehingga Oktober 2018, seramai 1,709 orang pelajar didapati positif dadah hasil saringan terhadap 41,741 pelajar (Utusan Online, 2018).

2. Sorotan Literatur

Ibu bapa yang gagal menjadi *role model* terhadap anak-anak memberi impak negatif terhadap perkembangan remaja. Kesibukan kerja telah menyebabkan ibu bapa tidak dapat memperuntukkan masa yang sepatutnya bersama anak-anak. Akibatnya, anak-anak di rumah berasa bosan dan lebih suka menghabiskan masa dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah. Dalam masa yang sama, kebarangkalian untuk mereka terjebak dengan laman web berunsur pornografi adalah tinggi tanpa pengawasan daripada ibu bapa kerana penggunaan media sosial merupakan keperluan pada masa kini. Ini ditambah lagi dengan faktor hubungan yang renggang dan tidak mesra di antara ibu bapa dengan anak-anak, maka semakin kurang interaksi, pemantauan dan teguran yang diberikan terhadap anak-anak. Oleh sebab itu, anak-

anak merasa lebih bebas dan menyangka bahwa kegiatan yang mereka lakukan itu tidak salah kerana tidak dimarahi oleh ibu bapa mereka.

Walau bagaimanapun, kajian Eu (2002), menyatakan sebanyak 96.7 % ibu bapa yang berjawatan profesional, eksekutif dan pekerja mahir meluangkan masa untuk anak-anak berbanding dengan 87.5% ibu bapa yang bekerja dalam kategori pekerja separuh mahir dan tidak mahir. Analisis kajian tersebut menunjukkan bahawa ibu bapa yang berjawatan tinggi mengamalkan gaya keibubapaan yang bersifat demokratik atau autoritatif. Hal ini menyebabkan anak yang dididik dengan gaya sedemikian mempunyai kurang masalah tingkah laku dan tidak terjebak dengan ketagihan pornografi.

Terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi pembentukan tingkah laku seksual remaja menurut kajian daripada Coleman dan Hendry (1999). Antara faktornya ialah hubungan dengan ibu bapa, faktor diri sendiri dan pengaruh rakan sebaya. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Kerpelman, McElwin, Pittman dan AdlerBaeder (2016). Mereka telah melakukan kajian ke atas remaja Amerika Eropah dan Amerika Afrika. Kajian menunjukkan bahawa tingkah laku seksual remaja berhubungan secara positif dengan hubungan ibu bapa. Hubungan ibu bapa dengan remaja yang kurang berkesan akan lebih memberi kesan terhadap tingkah laku seksual remaja. Kajian yang dilakukan oleh Olumbunmi (2011) juga menunjukkan bahawa hubungan hambar bersama ibu bapa di rumah menjadi faktor utama yang menyebabkan golongan remaja mencari keseronokan di luar rumah bagi mendapatkan perhatian dan kasih sayang. Lazimnya, remaja yang tersisih dari keluarga kurang mendapat perhatian dan kurang mendapat pengawasan yang sepatutnya daripada ibu bapa dan tidak mempunyai hubungan rapat dengan ibu bapa mereka. Mereka tidak mempunyai hubungan yang rapat sehingga ibu bapa tidak sedar akan tingkah laku anak-anak yang telah terdorong ke arah seksual. Kekurangan pengawasan daripada ibu bapa selepas waktu persekolahan juga telah mendorong kepada tingkah laku seksual remaja.

Kajian Meirav Hen et al. (2020) bertujuan untuk memahami perbezaan jantina dalam pendedahan terhadap pornografi. Kajian dilakukan ke atas 51 orang pelajar kolej. Hasil kajian menunjukkan wanita kurang cenderung untuk terdedah dengan pornografi manakala lelaki lebih cenderung untuk terlibat dengan pornografi. Ini menjelaskan bahawa golongan muda begitu mudah untuk terlibat dengan pornografi tanpa mengira jantina. Apabaila sudah terbiasa melakukan aktiviti yang berunsur lucah atau percakapan yang lucah, mereka akan menjadi ketagih dan seronok untuk melakukannya.

Kajian daripada Yu Tian et al (2018) yang menjalankan kajian ke atas pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah serta pelajar universiti mengenai perkaitan antara aktiviti internet dan kepuasan hidup dalam kesan mediasi kesunyian dan kemurungan. Hasil kajian menunjukkan kesunyian dan kemurungan mempunyai kesan positif terhadap hubungan antara penggunaan laman sosial dan kepuasan hidup. Selain itu, kajian tersebut mendapati bahawa kesunyian dan kepuasan hidup memberi kesan negatif terhadap hubungan kepuasan hidup, tingkah laku pornografi serta penggunaan media sosial. Oleh sebab itu, kemurungan dan kesunyian menjadi penyebab untuk seseorang mendapatkan kepuasan hidup. Seseorang individu kurang mendapat sokongan sosial ketika meningkat usia dan boleh mempengaruhi kepuasan hidup. (Guess & Mccane-Bowling, 2016).

2.1 Teori/Model

2.1.1 Teori/Model Keibubapaan

Bagi mewujudkan model gaya keibubapaan terbaik, Baumrind (1966) memperkenalkan tiga model gaya iaitu permisif, autoritatif, dan autoritarian. Secara ringkasnya, gaya autoritatif mengutamakan ketegasan dan diimbangi dengan kesediaan untuk mendengar segala pandangan daripada anak-anak. Sikap bertoleransi dan sentiasa berhubungan erat dengan anak-anak dapat membentuk sikap anak-anak yang positif dan bermoral. Menurut Baumrind (1989) lagi, anak-anak yang dididik oleh ibu bapa yang bersifat demokratik cenderung untuk menjadi lebih bertenaga, mempunyai sikap ingin tahu yang lebih mendalam, suka menjelajah dan dapat mengawal sikap positif dalam kalangan rakan-rakan mereka. Bagi gaya permisif pula, ia merujuk kepada sikap ibu bapa yang terlalu berlembut dan manjakan anak-anak demi memenuhi kehendak mereka tanpa kawalan yang sewajarnya. Gaya asuhan ini akan membentuk anak-anak yang tidak tahu berdikari dan terlampau bergantung dengan ibu bapa masing-masing. Baumrind (1989) menyatakan bahawa anak-anak yang diasuh menggunakan gaya permisif lebih gembira dan cepat pulih daripada sesuatu peristiwa yang sedih atau tekanan berbanding anak-anak yang diasuh dengan gaya autoritarian dan autoritatif. Gaya keibubapaan autoritarian pula adalah rendah dalam unsur responsif dan tinggi dalam unsur desakan. Gaya asuhan ini meletakkan jangkaan tinggi terhadap anak-anak dengan mewujudkan hukuman, pendekatan kawalan dan peraturan yang ketat yang tidak membenarkan anak-anak mempertikaikannya. Gaya autoritarian yang terlampau tegas akan mengakibatkan anak-anak lebih cenderung untuk memberontak, terlalu memendam, bimbang, cemas, sentiasa berfikiran negatif dan kurang motivasi untuk berdikari.

2.1.2 Teori/ Model Tingkah Laku Seksual

Albert Bandura yang sangat terkenal dalam mencipta teori pembelajaran sosial (*Social Learning Theory*) yang merupakan salah satu konsep *behaviorisme* yang menekankan aspek pemahaman, pemodelan pemerhatian dan kognitif. Eksperimen Bobo Doll yang sangat terkenal telah dihasilkan oleh Albert Bandura. Teori ini juga banyak menerangkan mengenai bagaimana seseorang (agen aktif) dibentuk atau dipengerahi oleh keadaan persekitaran mereka. Aspek utama dalam teori ini adalah pembelajaran pemerhatian iaitu proses pembelajaran tingkah laku yang baik atau kurang baik dengan cara memerhatikan orang lain, kemudian menghasilkan semula tingkah laku tersebut untuk mendapatkan ganjaran atau kepuasan. Menurut Bandura (1986), individu yang memerhati atau mengamati model persekitaran mereka, mereka akan mendapat maklumat dengan lebih cepat. Oleh sebab itu, mereka mudah terikut dan akan mencuba perkara baharu. Dalam teori ini juga ada menerangkan mengenai media pemodelan. Media atau gambaran yang diperhatikan oleh remaja akan mewujudkan penerapan teori kognitif sosial mereka. Sebagai contoh, mereka menonton filem-filem yang ada terpapar adegan-adegan lucu yang tidak sepatutnya, maka mereka akan segera mengikutinya atau mencari laman sesawang yang kurang elok. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku remaja menjadi ke arah negatif iaitu melalui persekitaran dan interaksi kognitif Bandura (1977).

2.1.3 Teori Perkembangan Psikososial Erik Erikson

Erik Erikson (1956) telah mengeluarkan teori perkembangan psikososial. Beliau menjelaskan bahawa teori tersebut adalah mengenai tahap perkembangan manusia pada setiap tahap perkembangan identiti. Teori ini bermula daripada tahap-tahap kehidupan bermula dari lahir sehingga ke tahap kematian dan dipengaruhi oleh pengaruh sosial yang berkomunikasi dengan individu yang lain sehingga menjadikan remaja matang dari segi fizikal dan psikologi. Teori ini menggambarkan bahawa konflik-konflik yang dialami oleh setiap individu dengan

orang lain. Apabila individu boleh mengatasi konflik tersebut, mereka akan bergerak kepada tahap yang seterusnya. Sekiranya remaja gagal menghadapi krisis yang dialami, mereka cenderung untuk keliru dan kurang percaya dengan orang lain dan sentiasa menyalahkan diri sendiri. Kegagalan yang berlaku akan menyebabkan remaja menganggap diri mereka gagal dan mengalami kekecewaan. Remaja yang gagal dalam pembentukan identiti tidak dapat menilai yang mana baik atau yang buruk, inferior dan akhirnya terjerumus kepada perkara yang tidak berfaedah. Kekecewaan yang terhasil akan menuntut mereka mencari keseronokan dengan terlibat dengan tindakan pornografi bagi memberi kepuasan kepada diri mereka. Oleh itu, peranan ibu bapa menjadi kayu pengukur dalam memantau perkembangan remaja pada tahap kelima ini bagi memastikan pembentukan ideniti anak-anak mereka berlaku dengan sempurna agar remaja mempunyai keyakinan diri yang terbaik dan tidak terjebak dengan perbuatan yang negatif.

3. Metodologi

Kajian ini melibatkan kajian yang berbentuk kuantitatif iaitu pendekatan terhadap kajian empiris untuk mengumpulkan, menganalisis dan menampilkan data dalam bentuk numerik daripada naratif. Kebanyakan proses pengumpulan data dalam penyelidikan kuantitatif diperoleh dengan kaedah soal selidik. Teknik utama yang digunakan dalam soal selidik ini adalah dengan meminta responden untuk menjawab satu set soal selidik dan kemudian, segala jawapan yang diberikan oleh responden akan dianalisis. Penyelidik menggunakan kaedah survei untuk mengumpul data. Kaedah survei dilihat lebih senang kerana penyelidik tidak boleh bersua dengan responden akibat pandemik Covid-19. Oleh itu, kaedah survei merupakan cara yang tepat untuk mendapatkan data daripada responden.

Mahasiswa-mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam tersebut dijadikan sebagai responden bagi kajian ini. Dalam konteks ini, ciri-ciri yang sama di dalam populasi yang dipilih adalah mahasiswa yang belajar di Institut Pengajian Tinggi Awam. Responden-responden ini dipilih secara persampelan tidak kebarangkalian iaitu persampelan bola salji (*snowball*). Dalam prosedur ini, pengkaji sudah mengenal pasti sebilangan kecil responden daripada mahasiswa yang terdiri daripada pelbagai universiti. Pengkaji telah meminta mereka untuk mengisi soal selidik dan meminta bantuan mereka untuk mencari rakan-rakan mereka bagi turut mengisi soal selidik kajian ini. Kaedah ini dilakukan secara berterusan sehingga pengkaji memperoleh bilangan sampel kajian yang diinginkan. Bilangan sampel dibuat berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, bilangan sampel dalam kajian ini adalah seramai 401 orang berdasarkan bilangan minimum responden adalah seramai 384 orang kerana populasi mahasiswa di IPTA semenanjung Malaysia melebihi 100,000 orang.

Pengkaji menggunakan alat ujian berbentuk soal selidik di dalam kajian ini. Terdapat empat bahagian di dalam soal selidik ini iaitu Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A merupakan maklumat demografi responden. Bahagian B pula adalah mengenai gaya keibubapaan yang diterima oleh responden berdasarkan *Parenting Authority Questionnaire*. Soal selidik ini telah dibangunkan oleh Baumrind (1991). Soal selidik mengandungi 30 item yang perlu dijawab oleh responden. Instrumen ini dibina untuk mengukur tiga gaya keibubapaan yang diamalkan oleh ibu bapa iaitu permisif, autoritatif dan autoritatif. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada 3 subskala. Skala yang pertama iaitu permisif (item 1, 6,10,13, 14, 17, 19, 21, 24, dan 28). Autoritarian pula subskala kedua bermula dari item 2, 3, 7, 9, 12, 16, 18, 25, 26 dan 29. Bagi subskala ketiga pula iaitu autoritatif (item 4, 5, 8, 11, 15, 20, 22, 23, 27 dan 30). PAQ direka untuk mengukur kuasa ibu bapa atau amalan disiplin dari sudut pandangan seorang anak (tanpa mengira umur). Untuk

menguji sifat psikometrik, kebolehpercayaan dan kesahan *Parental Authority Questionnaire*, Buri (1991) telah mengkaji seramai 652 orang pelajar kolej dan pelajar sekolah menengah menggunakan PAQ. Hasil kajian menunjukkan bahawa PAQ sebagai alat ukuran psikometrik yang sah dan berpontensi untuk digunakan sebagai alat dalam mengkaji gaya keibubapaan permisif, authoritarian dan autoritatif. Skor pemarkatan PAQ dikelaskan mengikut 5 Skala Likert (1- Sangat tidak setuju hingga 5- Sangat setuju) Kaedah penskoran untuk PAQ adalah dengan menjumlahkan item individu bagi mendapatkan skor subskala. Skor bagi setiap subskala dalam lingkungan 10 hingga 50.

Soalan berkaitan tingkah laku ketagihan pornografi terdapat di Bahagian C berdasarkan alat ujian *Pornography Addiction Screening Tool*. Instrumen ini telah dibina oleh Kraus (2018) untuk menentukan tahap ketagihan pornografi seseorang. Instrumen ini terdiri daripada 25 item. Nilai kebolehpercayaan instrumen ini adalah 0.893. Alat ujian ini turut menunjukkan bukti kesahan konstruk yang mana setiap item mempunyai korelasi secara signifikan dengan jumlah skor semua item iaitu lebih besar daripada 0.3. Menurut Amy (2017), hasil analisis faktor juga mengesahkan bahawa teori ketagihan adalah berdasarkan tiga faktor iaitu kehilangan kawalan, toleransi meningkat dan tindakan untuk terus melakukan tingkah laku ketagihan walaupun wujudnya akibat negatif. Menurutnya lagi, ketiga-tiga faktor menjelaskan sebanyak 50.21% faktor yang dapat menjelaskan ketagihan pornografi. Instrumen ini terbahagi kepada empat dimensi iaitu perkembangan seksual yang normal dan rasa ingin tahu yang biasa, timbul keprihatinan mengenai penglibatan pornografi, ketagihan pornografi mula muncul dan dimensi keempat adalah ketagihan pornografi yang ketara. Kaedah pemarkatan alat ujian ini adalah dengan mengikut skor yang dijawab oleh responden iaitu 5 Skala Likert (0- Tidak pernah hingga 4- selalu) telah digunakan untuk menentukan skor. Pengiraan skor dari 0 hingga 25 dikategorikan kepada perkembangan seksual yang normal dan rasa ingin tahu yang biasa. Skor 26 hingga 49 dikelaskan sebagai mempunyai sifat keprihatinan mengenai penglibatan dengan pornografi namun boleh ketagih pada masa hadapan. Bagi skor 50 hingga 69 adalah individu yang sudah muncul tindakan ketagihan pornografi. Untuk 70-100 adalah individu yang sememangnya ketagih dengan pornografi.

Bahagian terakhir iaitu Bahagian D melibatkan alat ujian *Satisfaction with Life Scale* yang digunakan untuk menguji skor kepuasan hidup mahasiswa. Soal selidik telah dibina oleh Diener (1985). Soal selidik ini mengandungi lima item sahaja. Menurut Diener (1985), soal selidik ini untuk menentukan tahap kepuasan hidup remaja. Soal selidik ini terbukti mempunyai kestabilan dalaman yang kuat dengan nilai *alfa Cronbach* 0.87 dan kebolehpercayaan adalah 0.82. Kaedah pemarkatan untuk SWLS adalah dengan menjumlahkan skala yang telah dijawab oleh responden untuk setiap item. Skala Likert 7 mata telah digunakan untuk pengiraan skor iaitu 1- Sangat tidak setuju hingga 7- Sangat setuju. Semakin tinggi tahap kepuasan hidup, semakin tinggi skor.

Kesemua soal selidik ini telah diterjemah kepada Bahasa Melayu bagi memudahkan responden-responden memahami setiap item yang terdapat dalam soal selidik.

4. Hasil Kajian dan Perbincangan

4.1 Hasil Keputusan Profil Demografi Responden

Pengkaji telah menganalisis profil demografi responden berdasarkan jantina, umur, agama dan bangsa. Jadual 1 menunjukkan taburan data responden. Seramai 401 orang daripada mahasiswa IPTA di semenanjung Malaysia telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa majoriti daripada responden kajian adalah

perempuan iaitu seramai 224 orang (55.9%) manakala responden lelaki adalah seramai 177 orang dengan peratus 44.1%. Bagi umur responden pula, responden yang menjawab soal selidik berumur 19 tahun adalah seramai 1 orang (0.20%), 20 tahun adalah seramai 2 orang (0.5%) dan responden berumur 21 tahun iaitu 8 orang (1.70%).

Bagi responden yang berumur 22 tahun seramai 41 orang (10.2%), responden berumur 23 tahun seramai 55 orang (13.7%) manakala responden berumur 24 tahun seramai 40 orang sahaja (9.7%). Responden yang kedua ramai adalah berumur 25 tahun dengan bilangan sebanyak 65 orang (16.2%). Mahasiswa IPTA berumur 26 tahun merupakan golongan majoriti yang menjawab soal selidik kajian ini dengan bilangan 76 orang (19.0%). Seramai 49 orang responden (12.2%) berumur 27 tahun dan seramai 31 orang responden (7.5%) dari golongan yang berumur 28 tahun. Subjek yang berumur 29 tahun pula seramai 21 (5.2%), berumur 30 tahun seramai 12 orang (2.7%).

Dapatan kajian bagi bangsa pula, sebanyak 74.3% daripada keseluruhan responden merupakan kaum Melayu dengan bilangan seramai 298 orang. Sebanyak 15.5% adalah kaum Cina, 8.70% adalah kaum India dan lain-lain kaum hanya 1.50%. Analisis statistik bagi agama pula, majoriti daripada responden beragama Islam 74.3%. Agama Buddha pula seramai 50 orang (12.50%), Hindu seramai 28 orang (7.0%) dan Kristian seramai 25 orang sahaja (6.23%).

JADUAL 1. Profil Demografi Responden

Profil		Kekerapan (N)	Peratus %
Jantina	Lelaki	177	44.1
	Perempuan	224	55.9
Umur	19 tahun	1	0.20
	20 tahun	2	0.50
	21 tahun	8	1.70
	22 tahun	44	10.30
	23 tahun	55	13.70
	24 tahun	30	9.70
	25 tahun	65	16.50
	26 tahun	76	19.00
	27 tahun	49	12.20
	28 tahun	31	7.50
	29 tahun	21	5.20
Bangsa	30 tahun	12	2.70
	Melayu	298	74.3
	Cina	62	15.5
	India	3	8.70
	Lain-lain	6	1.50
Agama	Islam	298	74.3
	Buddha	50	12.50
	Hindu	28	7.00
	Kristian	25	6.23

4.2 Hasil Analisis Deskriptif bagi Pembolehubah Kajian

Hasil analisis deskriptif dalam Jadual 2 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi pembolehubah dalam kajian ini. Bagi pemboleh ubah gaya keibubapaan yang menggunakan alat ujian *Parenting Authority Questionnaire (PAQ)*, pemboleh ubah tersebut menunjukkan skor minimum ialah 31.00, skor maksimum ialah 150.00 dan sisihan piawai 21.21. Bagi tingkah laku ketagihan pornografi yang menggunakan alat ujian *Pornography Addiction*

Screening Tool (PAST), pemboleh ubah tersebut menunjukkan skor minimum sebanyak 25.00, skor maksimum 125.00 dan sisihan piawai 24.05. Bagi pemboleh ubah ketiga iaitu kepuasan hidup yang menggunakan alat ujian *Satisfaction with Life Scale (SWLS)*, pembolehubah tersebut menunjukkan skor minimum 6.00, skor maksimum 35.00 dan sisihan piawai 7.82

JADUAL 2. Analisis Deskriptif bagi Pembolehubah Kajian

Pemboleh ubah	Skor Min	Skor Max	Sisihan Piawai
Gaya Keibubapaan	31.00	150.00	21.21
Tingkah Laku Ketagihan Pornografi	25.00	125.00	24.05
Kepuasan Hidup	6.00	35.00	7.82

4.3 Hasil Analisis Inferensi

4.3.1 Hubungan antara Gaya Keibubapaan dan Tingkah Laku Ketagihan Pornografi

Hipotesis pertama telah diuji menggunakan korelasi Pearson untuk menilai hubungan antara gaya keibubapaan iaitu permisif, autoritarian dan autoritatif dengan ketagihan pornografi dalam kalangan mahasiswa. Dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 3 mendapati bahawa tiada hubungan signifikan antara domain permisif, autoritarian dan autoritatif dengan tingkah laku ketagihan pornografi. Gaya keibubapaan permisif menunjukkan korelasi negatif yang lemah dan tidak signifikan antara tingkah laku ketagihan pornografi ($r=-0.189$, $p>0.05$). Domain autoritarian juga tidak menunjukkan korelasi signifikan dengan tingkah laku ketagihan pornografi ($r=-0.094$, $p>0.05$). Gaya keibubapaan autoritatif turut menunjukkan tiada hubungan signifikan dengan tingkah laku ketagihan pornografi ($r=-0.194$, $p>0.05$). Hal ini membuktikan bahawa gaya keibubapaan autoritatif, permisif dan autoritarian merupakan jenis gaya keibubapaan yang tidak berhubung dengan tingkah laku ketagihan pornografi kerana semua nilai korelasi adalah tidak signifikan.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Amirul Ashraff (2020) berkenaan ketagihan pornografi dalam kalangan remaja. Pengkaji menyatakan bahawa didikan ibu bapa secara autoritarian menyumbang skor min yang paling tinggi iaitu sebanyak 2.74 dan sisihan piawai sebanyak 1.30. Sikap ibu bapa yang terlalu tegas dan menunjukkan isyarat lucah atau mengeluarkan kata-kata berunsur lucah ketika marah akan menyebabkan tingkah laku anak-anak semakin negatif dan akhirnya terjebak dengan tingkah laku ketagihan pornografi. Sikap ibu bapa yang tegas tanpa belas kasihan terhadap anak-anak menyebabkan anak-anak memberontak dan melepaskan perasaan semasa di luar rumah dengan melakukan aktiviti yang negatif. Selain itu, dapatan kajian turut sama dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Bandura dan Walters (1959) yang menyatakan bahawa kelakuan ibu bapa yang suka memberi hukuman atau denda secara fizikal telah menyebabkan anak-anak bertingkah laku agresif dan negatif.

Namun begitu, dapatan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Jacobvitz dan Bush (1996) yang telah melakukan kajian ke atas remaja yang menetap di sebuah pusat pemulihan akhlak di Amerika. Hasil kajiannya menunjukkan bahawa kebanyakan daripada tingkah laku negatif seseorang remaja atau dewasa disebabkan oleh kegagalan pengurusan keluarga itu sendiri dan bukanlah spesifik kepada gaya keibubapaan itu sendiri.

JADUAL 3. Keputusan korelasi bagi domain gaya keibubapaan iaitu permisif, autoritarian dan autoritatif dengan tingkah laku ketagihan pornografi

Pembolehubah	Gaya Keibubapaan		
	Permisif	Autoritarian	Autoritatif
Tingkah laku Ketagihan Pornografi	-0.189	-0.094	-0.194

NOTA: * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

4.3.2 Hubungan antara Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dengan Kepuasan Hidup

Hipotesis kedua juga telah dianalisis menggunakan korelasi Perason. Pekali korelasi bagi hubungan antara tingkah laku ketagihan pornografi dengan kepuasan hidup adalah ($r = -0.748$, $p < 0.01$). Tingkah laku ketagihan pornografi berhubungan secara negatif yang kuat dan signifikan dengan kepuasan hidup. Ini bermakna, semakin tinggi skor ketagihan pornografi, semakin rendah skor kepuasan hidup mahasiswa. Dapatan kajian menjelaskan bahawa individu yang mengalami ketagihan terhadap tingkah laku pornografi kebanyakannya tidak puas atau tidak gembira dengan kehidupan mereka.

Dapatan ini boleh dikaitkan dengan teori psikoseksual yang menjelaskan mengenai tahap perkembangan manusia mengikut peringkat umur. Krisis atau konflik yang berlaku pada usia seseorang individu iaitu pada usia 12 tahun hingga 25 tahun merupakan tahap yang paling penting dan mencabar bagi tahap dewasa awal (Erikson, 1956). Pada tahap ini, individu baru memasuki peringkat awal dewasa dimana identiti mereka begitu sinonim dengan kemahuan mereka untuk bersosial dan melakukan hubungan intim dengan berlainan jantina. Tindak balas fisiologi yang berlaku apabila meningkat dewasa menjadikan mereka lebih terdorong untuk menjalinkan hubungan dengan pasangan. Konflik yang timbul akan menjadikan mereka mudah terpengaruh dengan keadaan sosial yang berada di sekeliling mereka. Sekiranya keadaan sosial mereka baik, maka pembentukan identiti dilakukan secara positif, namun jika mereka terpengaruh dengan sosial yang mempunyai tabiat buruk, mereka mudah terjerumus untuk turut serta melakukan tingkah laku yang tidak sepatutnya dan pembentukan identiti berlaku secara negatif.

Sekiranya seseorang individu gagal menghadapi krisis yang dialami, mereka cenderung untuk keliru dan kurang percaya dengan orang lain serta sentiasa menyalahkan diri sendiri. Kekecewaan yang terhasil akan menjadikan mereka mengasingkan diri sendiri dan tidak merasa puas dengan apa yang dilakukan seharian.

JADUAL 4. Keputusan Korelasi antara Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dengan Kepuasan Hidup

Pembolehubah	Tingkah Laku Ketagihan Pornografi
Kepuasan Hidup	-0.748**

NOTA: * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

4.3.3 Perbezaan Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Ketagihan Pornografi dan Kepuasan Hidup Berdasarkan Jantina

Hipotesis ketiga telah dianalisis menggunakan ujian t. Berdasarkan Jadual 5, bagi pembolehubah gaya keibubapaan, keputusan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan gaya keibubapaan jenis permisif berdasarkan jantina dengan $t(399) = -0.483$, $p > 0.05$. Autoritatif serta authoritarian masing-masing juga tidak menunjukkan perbezaan signifikan antara jantina dengan $t(399) = -0.572$, $p > 0.05$ dan gaya gaya authoritarian dengan

$t(397) = -0.227, p > 0.05$. Bagi pemboleh ubah tingkah laku ketagihan pornografi, keputusan menunjukkan tiada perbezaan signifikan tingkah laku ketagihan pornografi berdasarkan jantina dengan $t(396) = 0.255, p > .05$. Manakala bagi pemboleh ubah kepuasan hidup pula, keputusan menunjukkan tiada perbezaan signifikan jantina dengan $t(399) = 0.402, p > 0.05$

Tidak dapat perbezaan antara jantina lelaki dan perempuan dalam ketagihan pornografi adalah kerana kedua-dua kumpulan responden lelaki dan perempuan berada dalam kategori yang sama iaitu awal dewasa. Oleh itu, perkembangan fizikal, emosi dan psikologi yang berlaku antara mereka adalah sama. Golongan lelaki dan perempuan sama-sama mengalami konflik serta semakin giat untuk menjalinkan hubungan intim bersama pasangan telah menjadikan mereka mudah untuk ketagihan dengan perkara yang berkaitan dengan pornografi. Perasaan suka yang hadir dalam diri pada peringkat dewasa awal disebabkan oleh pergolakan perasaan yang wujud dalam diri lelaki dan wanita. Dari segi psikologi, proses suka akan berlainan jantina merupakan proses menuju kematangan dan kedewasaan menurut Ibrahim (1997).

JADUAL 5. Analisis Ujian T gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup berdasarkan jantina.

Pemboleh Ubah	Jantina	N	Min	Sisihan Piawai	df	t	p
Permisif	L	177	34.005	7.708	399	-0.483	0.498
	P	224	34.388	8.017			
Autoritatif	L	177	34.751	7.844	399	-0.572	0.707
	P	224	35.214	8.206			
Autoritarian	L	177	33.903	7.919	397	-0.227	0.708
	P	224	34.080	7.926			
Ketagihan Pornografi	L	177	44.570	25.269	396	0.255	0.209
	P	224	43.950	23.081			
Kepuasan Hidup	L	177	24.146	7.919	399	0.402	0.906
	P	224	23.830	7.771			

NOTA: * $p < 0.05$, ** $p < 0.01$

5. Rumusan dan Cadangan

Secara keseluruhannya kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti adakah terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku ketagihan pornografi dalam kalangan mahasiswa-mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi Awam di Malaysia. Selain itu,, kajian ini juga dibuat untuk mengkaji sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara tingkah laku ketagihan pornografi dengan kepuasan hidup. Seterusnya, untuk melihat perbezaan antara golongan lelaki dan perempuan dalam ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup.

Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya keibubapaan dengan tingkah laku ketagihan pornografi. Namun, tingkah laku ketagihan pornografi mempunyai hubungan negatif dan signifikan dengan kepuasan hidup dalam kalangan mahasiswa. Keputusan ujian t ke atas pemboleh ubah gaya keibubapaan menunjukkan tiada perbezaan signifikan gaya keibubapaan berdasarkan jantina. Bagi pemboleh ubah tingkah laku ketagihan pornografi pula, keputusan juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan tingkah laku ketagihan pornografi berdasarkan jantina. Pemboleh ubah ketiga iaitu kepuasan hidup, juga menunjukkan tiada perbezaan signifikan berdasarkan jantina.

Setelah dianalisis, terdapat beberapa cadangan yang perlu dilakukan untuk memperbaiki kajian menjadi lebih menarik serta dapat membantu pihak yang bertanggungjawab untuk mencegah ketagihan pornografi berlaku dengan lebih meluas. Faktor gajet dan pengaruh sosial perlu ditambah bagi mengetahui punca utama ketagihan pornografi. Selain itu, pengkaji perlu memperluas skop kajian iaitu kepada keseluruhan rakyat Malaysia bagi mengenalpasti sejauhmana tahap ketagihan terhadap pornografi dan tahap kepuasan hidup mereka.

Rujukan

- Amy Mardhatillah. (2017). *International Journal of Scientific and Research Publications*, Volume 7, Issue 8, 2250-3153.
- Bandura A. (1986). *Asas Pemikiran dan Tindakan Sosial: Teori Kognitif Sosial*. Prentice Hall.
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1959). Adolescent aggression: A study of the influence of child-training practices and family interrelationships.
- Baumrind, D. (1991). Parenting styles and adolescent development. In J. Brooks-Gunn, R. Lerner, & A. C. Petersen (Eds.), *The encyclopedia of adolescence*, 746-758.
- Buri, J.R. (1991). Parental Authority Questionnaire. *Journal of personality assessment*, 57(1), 110-119.
- Coleman, J. C., & Hendry, L. B. (1999). *The nature of adolescence*. (Third edition). New York: Psychology Press.
- Erikson, E.H. (1956). The problem of ego identity. *Journal of the American Psychoanalytic Association*, 4(1), 56-121.
- Eu, K. G., & Bachik, A. (2002). *Tahap Motivasi Keluarga Dalam Konteks Pendidikan Formal Anak-anak Mereka: Satu Tinjauan Di Kalangan Keluarga Bahagia Di Daerah Muar* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Guess, P.E, and Mccane-Bowling, S.J. (2016). Teacher support and lfe satisfaction: an investigation with urban, middle school students. *Educ. Urban Soc.*48, 1-1.
- Hen, M., Karsh, N., Langer, E., & Shechter, R. (2020). Gender differences in implicit exposure to cyber-pornography. *The Journal of social psychology*, 160(5), 613-623.
- Ibrahim Mamat. (1997). *Memimpin Remaja Sekolah, Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Jacobvitz, D.B & Bush, N.F. (1996). *Reconstructions of Family Relationships: Parent-Child Alliances, Personal Distress, and Self Esteem*. *Developmental Psychology*, 32(4), 732-743.
- Kerpelman, J. L., McElwain, A. D., Pittman, J. F., & Adler-Baeder, F. M. (2016). Engagement in Risky Sexual Behavior Adolescents' Perceptions of Self and the Parent-Child Relationship Matter. *Youth & Society*, 48(1), 101.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research*. *Educational and Psychological Measurements*, 30, 607-610.
- Norman, A., & Othman, N. (2020). Ketagihan pornografi dalam kalangan remaja: Faktor dan implikasi terhadap sahsiah diri remaja. *Jurnal Melayu*, 19(2), 208-213.
- Olubunmi, A. G. (2011). Impact of family type on involvement of adolescents in pre-marital sex. *Journal Psychology & Counselling*, 3(1), 15-19.
- Razali, A., & Razali, N. A. (2013). *Parent-Child Communication and Self Concept among Malays Adolescence*, 9(11), 189-200.

- Santrock, J. W., MacKenzie-Rivers, A., Leung, K. H., & Malcomson, T. (2008). *Life Span*. 469-471.
- Tian, Y., Zhang, S., Wu, R., Wang, P., Gao, F., & Chen, Y. (2018). Association between specific internet activities and life satisfaction: the mediating effects of loneliness and depression. *Frontiers in psychology*, 9, 1181.
- Yahaya, A., Hashim, S., & Hamzah, M. (2012). Masalah salah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan hubungannya dengan gaya keibubapaan. *Sains Humanika*, 58(1). 91-103.